



EDISI MEI & JUN 2022

E-BULETIN

VERSI PELAJAR

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PULAU PINANG**

Sebuah penerbitan digital secara berkala oleh Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Cawangan Pulau Pinang Sesi 2021/2022 dalam merekod pencapaian dan kecemerlangan mahasiswa mahasiswi UiTM Cawangan Pulau Pinang yang diedarkan secara percuma di laman sesawang:

<https://sites.google.com/view/mppuitmcpp>

E-buletin ini akan diterbitkan untuk memaparkan aktiviti-aktiviti menarik yang berlaku sepanjang bulan tersebut.

Tips: Terdapat juga perkataan/gambar yang boleh ditekan dan akan membawa anda terus ke pautan yang berkaitan.

Penerbit

Majlis Perwakilan Pelajar Pulau Pinang
UiTM Cawangan Pulau Pinang
Sesi 2021/2022

Penaung

Prof. Madya Ir. Dr. Ahmad Rashidy Razali
Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik
Menjalankan Tugas-Tugas Rektor
UiTM Cawangan Pulau Pinang

Penasihat

Ts. Dr. Basharudin Abdul Hadi
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar
UiTM Cawangan Pulau Pinang

Editor

Sekretariat Majlis Perwakilan Pelajar
Exco Perhubungan Korporat dan
Akademik

Pereka Grafik

Nurul Izzati Binti Adanan
Sekretariat Majlis Perwakilan Pelajar



Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh
Kampus Bertam



MAJLIS
PERWAKILAN
PELAJAR
SESI 2021/2022



SEKRETARIAT
MAJLIS
PERWAKILAN
PELAJAR
SESI 2021/2022

PRAKATA

Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT tuhan yang mencipta dan menguasai alam ini. Selawat dan Salam buat junjungan tercinta Rasullulah S.A.W.

Assalamuallaikum, salam sejahtera.

Pertamanya saya ingin merakamkan syabas dan jutaan penghargaan kepada jawatankuasa penerbitan E-buletin ini kerana telah bertungkus lumus bagi mengeluarkan edisi 2022 ini. Saya percaya kejayaan dalam menerbitkan majalah ini bukannya datang bergolek tetapi atas usaha gigih dan penat lelah dari semua pihak termasuk semua AJK dan para ahli. Tanpa komitmen dan sokongan daripada semua pihak, mustahil E-buletin ini berjaya diterbitkan dan disebarluaskan. Usaha murni untuk menerbitkan majalah berobjektifkan bagi merakamkan program dan aktiviti ketika bulan Mei dan Jun 2022. Adalah diharapkan agar semua kejayaan program dan aktiviti ini akan menyuntik semangat para mahasiswa untuk terus bergiat aktif dalam aktiviti demi manfaat masa hadapan. Seterusnya E-buletin ini juga berfungsi sebagai satu platform untuk mempromosikan kelab dan persatuan UiTM Cawangan Pulau Pinang. Ini bertujuan untuk menggalakan penglibatan dari mahasiswa UiTMCPP sendiri. Semoga segala keterlibatan para mahasiswa dalam aktiviti dan program dijadikan pengalaman yang berguna untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang dibidang akademik. Setiap program yang dilalui dan direkodkan dalam E-buletin ini dapat mencerminkan i DART . iDART adalah nilai individu yang perlu ada pada setiap warga UiTM. Tidak lupa juga antara satu ciri penting dalam pelan strategik UiTM2025 iaitu Pendidikan 5.0@UiTM. Pendidikan 5.0 bukan bermaksud teknologi canggih dan kebolehan mesin untuk melakukan apa yang manusia boleh lakukan tetapi ianya bermaksud apakah kebolehan seseorang apabila teknologi dan mesin diberikan kepadanya.

Akhir sekali, saya ingin mengingatkan bahawa era globalisasi kini amat mencabar.


Sebagai seorang mahasiswa, perjalanan hidup anda hanya baru bermula.

Saya berharap semua mahasiswa akan mampu menangkis ancaman- ancaman negatif yang boleh menjaskan maruah diri, bangsa dan agama. Jadilah mahasiswa yang mampu menjadi kebanggaan ibu bapa, keluarga, para pensyarah, UiTM, bangsa dan negara. Matlamatnya besarnya nanti agar para mahasiswa mempunyai watak yang entiasa bersyukur dan bertaqwa agar segala ilmu yang diperolehi akan dimanfaatkan dengan baik dan penuh beretika demi membangunkan masyarakat, agama, bangsa dan negara. Ingatlah para mahasiswa sekalian, biar di mana sekalipun anda berada, berikanlah tempat yang istimewa kepada UiTM di sudut hati anda. Janganlah menjadi seperti perumpamaan 'kacang lupukan kulit'. Kini, ibarat kata 'dayong sudah ditangan, perahu sudah di air', ayuh kita semua mencorakkan masa depan yang lebih gemilang dan terbilang.

Sekian,

Wabillahitaufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Prof. Ts. Dr. Basharudin Bin Abdul Hadi
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pulau Pinang





ISI KANDUNGAN

• Gala Raya	5
• Kyoukai No Kanata: Beyond The Boundry	6
• Sembang Kopi Mahasiswa	7
• Sukan Antara Kos	8
• Youtube4u 4.0	9
• Sois Le Papillion: Beauty And Health	10
• First Aid, Save A Life	11
• Free Market Event	12
• Shorai No Sukiru: Pathaway To The Future	13
• Culture Fest: The Art Of Tradition	14
• Nigai Shinjitsu: Evolution Around Us	15
• Peranan Occupational Di Klinik Kesihatan	16
• One By Graphic	17
• Plants: A Secret Medicine	18
• Scienza: The Breath Of Art	19
• Alumni Talk Session In Environmental Health	20
• Living In Harmony: Discover How To Resolve Your Problems	21
• Jpk e-League	22
• Majlis Aspreriasi	23



GALA Raya

Occupational Therapy Student (OTHENS) telah mengadakan program Gala Raya secara online di platform Google Meet dan YouTube Live. Program ini diadakan pada 13 Mei 2022 bermula 8 malam sehingga 10.30 malam. Antara objektif program ini adalah untuk mengeratkan hubungan silaturrahim dan keakraban di antara para mahasiswa, pihak universiti dan masyarakat dan memberi kesedaran dan penghayatan kepada para mahasiswa bahawa setiap kaum mempunyai perayaan yang berbeza dan boleh diraikan oleh semua kaum. Selain itu, program ini juga dijadikan landasan hubungan baik di antara warga universiti dan masyarakat serta menggalakkan para mahasiswa untuk lebih berani menonjolkan kebolehan dan kreativiti mereka dalam membuat video dan mengedit gambar. Program ini telah menjalankan aktiviti seperti tayangan video penyertaan pertandingan kad raya dan pertandingan vlog raya. Daripada tayangan video ini, pihak program hanya menayangkan video dan kad raya peserta yang Berjaya memenangi pertandingan tersebut berdasarkan bilangan 'LIKE' yang banyak di media sosial dan penilaian oleh ketua serta penolong pengarah program. Program ini juga telah berjaya menarik perhatian 166 orang peserta termasuk ahli jawatankuasa yang terdiri daripada mahasiswa UiTM Pulau Pinang Kampus Bertam.

KYOUKAI NO KANATA

BEYOND THE BOUNDARY

Penang Nursing Student Association (PeNSA) dengan kerjasama Society Of Pharmacy Students (SOPYHS) Sesi 2021/2022 telah mengadakan program Kyoukai No Kanata: Beyond The Boundary pada 14 Mei 2022, Sabtu bermula dari jam 8 malam sehingga 11 malam. Aktiviti yang dijalankan dalam program "Kyoukai No Kanata: Beyond The Boundry adalah berasaskan perkongsian oleh penceramah iaitu Ummu Habibah Binti Idrus dalam prospek keusahawanan bertujuan untuk mendedahkan tips pemasaran serta meningkatkan minat mahasiswa/i untuk menceburkan diri dalam perniagaan. Program ini dilaksanakan secara atas talian melalui platform Cisco Webex Meeting dan YouTube (PeNSA UiTM).

Objektif program ini adalah untuk melahirkan mahasiswa yang boleh berdaya saing dalam bidang perniagaan sehingga ke peringkat global dan mampu berfikir dengan kreatif dalam mengatur strategi pemasaran dan perniagaan serta mahir bernesiga dan mempunyai ciri keusahawanan yang tinggi dalam diri. Program ini juga telah menyasarkan seramai 250 orang peserta daripada mahasiswa semester dua(2) dan empat(4) termasuk 30 orang urusetia. Program Kyoukai No Kanata: Beyond The Boundry ini mengadakan dua(2) pertandingan untuk para peserta mereka iaitu Pertandingan Poster Kreatif dan Pertandingan Kahoot. Bagi pemenang Pertandingan Poster Kreatif, tempat pertama telah mendapat wang sebanyak RM 50, diikuti oleh tempat kedua dan ketiga sebanyak RM 40 dan RM 30. Untuk Pertandingan Kahoot pula, tempat pertama, kedua dan ketiga mendapat wang sebanyak RM 30, RM 20 dan RM 15.



PODCAST: sembang KOPI mahasiswa



14 MEI 2022- Jawatankuasa Perwakilan Kolej 2021/2022 telah menganjurkan Program Podcast: Sembang Kopi Mahasiswa bermula jam 8 malam sehingga 9.30 malam melalui platform YouTube JPK UiTMCPP. Program ini dianjurkan bagi membincangkan isu-isu permasalahan mahasiswa serta sesi soal jawab berdasarkan persoalan mahasiswa.

Siri bulanan pada bulan ini adalah siri 1, dimana sesi soal jawab akan dibincangkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) sendiri. Tetamu jemputan yang telah dijemput bagi siri 1 ialah Muhammad Farith Fahman Bin Mohd Fadli, iaitu Pengurus JPK dan Muhammad Eillieyin Bin Mohd Ghazali, Naib Pengurus 1 JPK. Bagi siri 2 pula iaitu pada 16 Jun 2022, tetamu jemputannya ialah Amerul Farhan Bin Mokhtaruddin, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2021/2022.



Seterusnya siri 3 yang berlangsung pada 2 Julai 2022, tetamu jemputannya ialah Nur Ayuni Husna Binti Mohamad Zahir, bendahari JPNR dan Muhammad Harith Irwan Shah Bin Abdul Halim, Presiden JP NR. Objektif program ini diadakan untuk meningkatkan kefahaman mahasiswa berkaitan kolej kediaman serta isu-isu semasa yang berlaku di kampus.

Selain itu, ia juga dapat melahirkan mahasiswa yang peka terhadap isu-isu di kampus dan membantu mahasiswa dalam memberikan solusi bagi menyelesaikan masalah berkaitan kolej kediaman. Kumpulan sasaran bagi program ini semestinya mahasiswa UiTM Cawangan Pulau Pinang.

SUKOS

SUKAN ANTARA KOS



Bermula 14 Mei 2022 hingga 15 Mei 2022, Jawatankuasa Perwakilan Kolej Al-Zahwari sesi 2021/2022 telah mengadakan program Sukan Antara Kos (SUKOS) pada jam 8 pagi hingga 6 petang. Program ini telah dijalankan di padang, gelanggang futsal dan blok makmal UiTM Kampus Bertam kerana ia bertemakan sukan dan rekreasi. Program ini bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara mahasiswa yang makin pudar di ambang pandemik-endemik ini.

Antara tetamu jemputan yang dijemput bagi memeriahkan majlis adalah Ts. Dr. Mohd Rozaiman Bin Aziz, Dr. Siti Nur Fadzillah Binti Muhsain, Dr. Mohd Nadzri Bin Mohd Najib, Ts. Muhammad Nabil Fikri Bin Roslan, En. Mohamad Hafiz Bin Abu Seman dan Pn. Norsuraya Binti Hafiz. Kumpulan sasaran bagi program ini ialah 200 orang mahasiswa semester 2 dan 4. Terdapat juga pertandingan Physiotherapy, Nursing dan Medical Laboratory. Para pemenang dari pemenang ini mendapat hadiah berbentuk piala pusingan dan juga hamper.

YouTube4U 4.0

Bermula 21 Mei 2022 sehingga 15 Jun 2022 telah berlangsungnya program YouTube4U 4.0 dibawah kendali kelab Chemical Engineering Student Society (ChESS). Program ini diadakan bertujuan untuk melatih dan menggilap kemahiran insaniah para mahasiswa/i, khususnya dari Pengajian Kejuteraan Kimia, PKK sempena pembelajaran atas talian (Online And Distance Learning, ODL). Program ini terbahagi kepada tiga(3) program kecil iaitu Bengkel Video, ‘U-Speak’ dan “Sharing is Caring”. Bengkel Video ini memberikan pendedahan kepada peserta untuk menghasilkan video yang lebih menarik dan berimpak tinggi. Seterusnya program ‘U-Speak’ ini melibatkan para peserta untuk menghasilkan video yang lebih menarik dan berimpak tinggi. Seterusnya, program ‘U-Speak’ ini melibatkan para peserta dalam menyuarakan pendapat dan pandangan mereka sendiri mengenai sesuatu perkara atau isi dalam bentuk ‘public speaking’ seperti mana dilakukan oleh kumpulan ‘ML Studios’. Manakala, program ‘Sharing is Caring’ pula merupakan platform warga PKK untuk berkongsi bahan pembelajaran yang boleh dijadikan sebagai rujukan tambahan. Program yang telah dihadiri seramai 20 orang peserta daripada fakulti dan universiti yang berlainan ini juga telah menjemput Nurin Nabilah Binti Jalaudin Basha sebagai penceramah Bengkel YouTube4U 4.0.



Bagi memeriahkan lagi program, terdapat juga hadiah untuk pemenang dimana pemenang:

- Pertama: RM 90.00 (3 orang)
- Kedua: RM 70.00 (2 orang)
- Views tertinggi: RM 50.00

5 Mei 2022- Ahad, pihak Physio Students Association (PHYTAS) dengan kerjasama pihak Bertam Students Council (BSC) semester Mac-Ogos 2022 telah menganjurkan program ‘Sois Le Papillion: Beauty and Health’. Seramai 6 orang tetamu jemputan telah dijemput bagi memeriahkan lagi program ini iaitu, Encik Mohamad Hafiz Bin Kamsani, Puan Rabiatul Adawiah Binti Abdul Rahman, Encik Muhammad Iqbal Bin Shaharudin, Tn. Hj. Bahman Bin Jamaluddin, Puan Aslinda Binti Che Mood, dan Puan Nurshazana Akmal Binti Jamaludin.



SOIS LE PAPILLON: BEAUTY AND HEALTH

HEALTH IS BEAUTY, AND THE MOST PERFECT HEALTH IS THE
MOST PERFECT BEAUTY

Antara objektif program ‘Sois Le Papillion: Beauty and Health’ adalah meningkatkan keyakinan dan sikap cinta akan diri para mahasiswa dan melahirkan pewaris bangsa yang menghargai akan penampilan seseorang sekaligus menghapuskan stereotaip berkaitan kecantikan. Selain itu, ia menggalakan para mahasiswa untuk sentiasa mengutamakan kebersihan dan kesihatan dalam gaya hidup seharian. Malah, program ini adalah untuk mencapai bilangan pelajar terlibat dalam program berkaitan kemahiran kreativiti (PIO36) dan program berkaitan kesejahteraan (PIO39) bagi inisiatif Hal Ehwal Pelajar (HEP) pada tahun 2022. Program ini telah berjaya menarik minat 367 orang peserta yang terdiri daripada kalangan mahasiswa dan staf UiTM Pulau Pinang Kampus Bertam. Disamping itu, program ini juga mempunyai mengadakan 3 pertandingan untuk para peserta.



FIRST AID, SAVE A LIFE

Pada 21 Mei 2022, Sabtu, Jawatankuasa Perwakilan Kolej 2021/2022 dengan kerjasama daripada Bulan Sabit Malaysia Daerah Padang Serai, Kedah telah menganjurkan Program 'First Aid, Save A Life' bertempat di Dewan Serbaguna Delima bermula jam 8:00 pagi sehingga 4:30 petang.


Program 'First Aid, Save A Life' ini merupakan pendedahan kepada mahasiswa mengenai teknik pertolongan cemas dan latihan praktikal semasa program berlangsung turut dijalankan bersama mentor program. Objektif program ini dijalankan adalah untuk menambahkan kemahiran dan pengetahuan berkaitan ilmu pertolongan cemas dalam kalangan mahasiswa dan menjalankan hubungan dan kerjasama yang baik dengan Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM).

ia juga untuk meningkatkan mutu kepimpinan pelajar dalam mengendalikan situasi kecemasan dengan mengaplikasikan ilmu pertolongan cemas. Penceramah jemputan bagi berkongsi ilmu pengetahuan ini ialah En. Mohd Nizam Bin Aziz, Pn. Rohani Binti Husin dan Pn. Siti Azura Binti Hassan. Kumpulan sasaran bagi program ini ialah ahli jawatankuasa JPK dan Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM).



FREE MARKET EVENT

- NO PAYMENT NEEDED,
- GET THE FOOD FOR FREE.
- DON'T FORGET TO BRING YOUR OWN BAG
- COME & JOIN US!
- E-CERTIFICATE WILL BE GIVEN TO THE DONORS & PRIZE WILL BE PROVIDED TO WHO TAKES AWAY THE MOST



Bermula jam 9 pagi hingga 3 petang telah berlangsungnya Program 'Free Market' bertempat di Kafeteria UiTM Kampus Bertam. Program ini dikendalikan oleh Penang Nursing Student Association (PeNSA) Sesi 2021/2022 pada 21 Mei 2022, Sabtu. Program ini adalah berasaskan skop kesukarelawan dalam aspek kebajikan. Tujuan program ini diadakan adalah untuk membantu mahasiswa dengan mengurangkan kos sara hidup mereka dengan memberikan sedikit sebanyak bantuan makanan dan pakaian yang disumbangkan oleh orang ramai. Selain itu, program ini dijalankan untuk membantu golongan mahasiswa yang memerlukan dengan memberi keperluan asas untuk mengurangkan masalah kos sara hidup. Ia juga untuk mewujudkan sifat keprihatinan terhadap golongan mahasiswa yang memerlukan bantuan dan mampu mengaplikasikan amalam ini dalam kehidupan seharian bahkan memberi mesej kepada mahasiswa bahawa universiti bukan sahaja mementingkan aspek akademik dan kurikulum, malah meletakkan nilai-nilai murni sebagai salah satu objektif utama mendidik mahasiswa. Program ini juga telah menyasarkan seramai 250 orang peserta daripada mahasiswa UiTM Kampus Bertam termasuk 29 orang urusetia.

SHORAI NO SUKIRU

PATHWAY TO THE FUTURE

WELLCOME TO MY RESUME

'PROFILE'

'Shorai No Sukiru: Pahthway To The Future' anjuran Bertam Student Council ini membawa maksud tersurat dan tersirat. Maksud tersurat adalah jalan menuju masa hadapan manakala maksud tersirat adalah para mahasiswa kini mestilah membuat perancangan yang sebaik mungkin dalam memilih dan menentukan hala tuju kerjaya masing-masing selepas tamat belajar.

'CAREER OBJECTIVE'

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada para mahasiswa tentang persediaan yang perlu dilakukan sewaktu membuat permohonan kerja di sesuatu tempat dan menambah ilmu pengetahuan para mahasiswa tentang cara untuk menyediakan "resume" yang baik serta perincian data yang perlu ditampilkan dalam "resume" bagi memenuhi kriteria yang cemerlang. Selain itu, program ini juga mendedahkan para mahasiswa tentang pengalaman Ketika menghadiri sesi temuduga dan cara untuk tampil dengan yakin semasa sesi temuduga tersebut dan memberi suntikan motivasi kepada para mahasiswa untuk mempunyai keyakinan yang unggul dalam menempuh sesi temuduga.

'WORK EXPERIENCE'

- Muhammad Firdaus Naim Bin Zainal Abidin

Program ini juga menjemput Muhammad Firdaus Naim Bin Zainal Abidin, "Foreign Worker and Compliance Officer" bagi menyampaikan ceramah berkaitan dengan "Future Skills".


MY SKILLS



Culture Fest :

The art of tradition

22 Mei 2022- Kelab Environmental Health Student Association (EHSaN) telah menganjurkan program 'Culture Fest: The Art of Tradition' dan telah menarik perhatian sehingga melebihi 75 orang. Program yang berlangsung pada jam 8:30 malam ini menggunakan platform Microsoft Teams dan dirasmikan oleh Dr. Azhar selaku penasihat kelab EHSaN.



Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat tentang adat-adat serta budaya masyarakat di Malaysia di samping mengingat kembali kepada warisan nenek moyang pada zaman dahulu.




Antara aktiviti yang dilakukan semasa program berlangsung ialah tayangan video berkaitan makanan bagi setiap negeri di Malaysia dan video adat meminang yang dilakonkan oleh para pelajar dari kelab EHSaN. Terdapat juga tayangan kompilasi gambar "OOTD" dan "vlog" raya yang telah dimuat naik oleh wakil setiap program di UiTM Kampus Bertam. Aktiviti Kahoot diadakan bagi memeriahkan lagi suasana dan hadiah berbentuk duit raya juga disediakan untuk para peserta.


NIGAI SHINJITSU: EVOLUTION AROUND US

PROGRAM "NIGAI SHINJITSU: EVOLUTION AROUND Us" ADALAH PROGRAM YANG TELAH DIANJURKAN OLEH PERSATUAN PELAJAR TEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN (MELTECH) SESI 2021/2022. PROGRAM INI TELAH DIJALANKAN PADA 28 MEI 2022, SABTU BERMULA JAM 8:30 MALAM SEHINGGA 11:00 MALAM MELALUI PLATFORM MICROSOFT TEAMS. PROGRAM YANG BERSKOPKAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASIINI MEMBAWA MAKSUD EVOLUSI YANG BERLAKU DI SEKELILING KITA.

PROGRAM INI BERTUJUAN MEMBERIKAN PENDEDAHAN KEPADA MAHASIWA DALAM PERUBAHAN YANG TELAH BERLAKU PADA ZAMAN MODEN MASA KINI. IA JUGA ADALAH PROGRAM KESEDARAN KEPADA MAHASISWA BETAPA PENTINGNYA SKOP INI TERUTAMA SEKALI IA BAKAL MEMBAWA SETIAP SUDUT KEHIDUPAN PARA MAHASISWA KE ALAF YANG BAHARU.




TERDAPAT JUGA AKTIVITI MENARIK YANG TELAH DISEDIAKAN UNTUK PROGRAM INI SEPERTI PERTANDINGAN MEREKA POSTER, TAYANGAN FILEM, DAN KUIZ KAHOOT YANG BERKONSEPKAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI. OBJKTIF PROGRAM INI ADALAH MELATIH DAN MEMBERI INSPIRASI KEPADA MAHASISWA UNTUK MENYELESAIKAN SESUATU MASALAH BERDASARKAN FAKTA DAN KAJIAN SAINTIFIK. PROGRAM INI TELAH DIRASMIKAN OLEH ENCIK MUHAMAD FARID BIN HJ. SHUIB DAN ENCIK LIM SENG HOCK SEBAGAI TETAMU JEMPUTAN. KUMPULAN SASARAN BAGI PROGRAMINI ADALAH 200 ORANG NAMUN BILANGAN PENYERTAAN HANYA 55 ORANG SAHAJA. BAGI PERTANDINGAN MEREKA POSTER DAN KAHOOT, PARA PEMENANG TELAH MENDAPAT HADIAH BERBENTUK WANG RINGGIT IAITU PEMENANG BAGI TEMPAT PERTAMA MENDAPAT RM 40, TEMPAT KEDUA MENDAPAT RM 30 DAN TEMPAT KETIGA MENDAPAT RM 20.



Peranan Occupational Therapist di Klinik Kesihatan

Pada 28 Mei 2022, Occupational Therapist (OTHENS) telah menganjurkan satu program bertajuk "Peranan Occupational Therapist di Klinik Kesihatan". Program ini diadakan di platform Google Meet bermula jam 10 pagi sehingga 12 tengah hari. Program ini adalah untuk memberi ilmu pengetahuan kepada mahasiswa mahupun masyarakat luar tentang peranan jurupulih carakerja, memberi kesedaran kepada mahasiswa dan masyarakat akan kepentingan kesihatan diri dan memberi penjelasan tentang kepentingan pemulihan carakerja di klinik kesihatan. Terdapat juga aktiviti yang berlangsung semasa program dijalankan, antaranya ialah sesi perkongsian ilmu, sesi soal jawab dan juga kuiz.



ONE BY GRAPHIC



JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ 2021/2022 TELAH MENGADAKAN PROGRAM 'ONE BY GRAPHIC' PADA 11 JUN 2022 HINGGA 17 JUN 2022. PROGRAM 'ONE BY GRAPHIC' INI MERUPAKAN PROGRAM BENGKEL MULTIMEDIA YANG DIJALANKAN SECARA DALAM TALIAN. PROGRAM INI TELAH DIJALANKAN SELAMA TUJUH HARI. HARI PERTAMA TELAH DIMULAKAN DENGAN BENGKEL MODUL ADOBE PHOTOSHOP DAN HARI KEDUA DITERUSKAN DENGAN BENGKEL MODUL CANVA YANG DISAMPAIKAN OLEH MENTOR DARIPADA TARBIAH KREATIF



PESERTA PROGRAM DIBERIKAN TUGASAN KUMPULAN UNTUK MENGHASILKAN SEBUAH POSTER DAN VIDEO YANG BERTEMAKAN PEMASARAN. PEMENANG AKAN DIUMUMKAN DI INSTAGRAM JPK UITMCPP. BAGI MEMERIAHKAN LAGI PROGRAM INI, TS. MOHD IZZUDDIN BIN ISMAIL TELAH DIJEMPUT SEBAGAI PENCERAMAH JEMPUTAN. PROGRAM INI JUGA TELAH DIHADIRI OLEH MAHASISWA UITM CAWANGAN PULAU PINANG.

OBJEKTIF PROGRAM INI ADALAH UNTUK MENINGKATKAN KESEDARAN MAHASISWA DAN MEMBANTU DALAM MENINGKATKAN DAYA KREATIVITI DALAM KALANGAN MAHASISWA JUGA MELAHIRKAN GRADUAN YANG BERKEYAKINAN TINGGI DALAM KEMAHIRAN VIDEOGRAFI DAN PENGGUNAAN PERISIAN PROFESSIONAL DAN MEMBERIKAN PENGALAMAN KEPADA MAHASISWA UNTUK BELAJAR TEKNIK-TEKNIK SUNTINGAN DAN VIDEOGRAFI SECARA ATAS TALIAN.




Plants:

A Secret Medicine

Pada 17 Jun 2022, Jumaat telah berlangsungnya program Plants: A Secret Medicine anjuran Kelab Society Of Pharmacy Students (SOPHYS) bermula jam 8:00 malam sehingga 11:15 malam. Program ini telah dijalankan secara alam maya menggunakan platform Microsoft Teams. Program Plants: A Secret Medicine ialah sebuah program wacana intelek berkaitan tumbuhan yang wujud di sekeliling kita yang dapat dijadikan ubat-ubatan dalam kehidupan seharian. Aktiviti utama program ini ialah perkongsian daripada penceramah yang juga merupakan seorang pegawai penyelidikan di Institusi Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) iaitu Puan Tan Ai Lee dan dirasmikan oleh Dr. Siti Nur Fadzilah Binti Muhsain, Penolong Rektor UiTM Pulau Pinang. Antara objektif program adalah untuk menambah ilmu dan kesedaran dalam kalangan mahasiswa/mahasiswi tentang kepentingan dan kebaikan tumbuhan herba dan memberi pengetahuan kepada mahasiswa/mahasiswi tentang tumbuhan di sekeliling yang mampu memberi manfaat kepada mereka dan juga kepada masyarakat. Bilangan peserta yang terlibat adalah seramai 125 mahasiswa dan 125 mahasiswi. Pertandingan 'OOTD' dan Kahoot juga diadakan bagi memeriahkan lagi suasana beserta hadiah yang berbentuk wang ringgit. Tempat pertama bagi pertandingan 'OOTD' telah memenangi sebanyak RM 60, tempat kedua RM 40 dan tempat ketiga RM 20. Tempat pertama bagi pertandingan Kahoot pula ialah sebanyak RM 30, tempat kedua RM 20 dan tempat ketiga RM 10. Tahniah diucapkan kepada para pemenang !

SCIENZA: THE BREATH OF ART

18 JUN 2022 - JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ AL-ZAHWARI SESI 2021/2022 TELAH MENGANJURKAN SATU PROGRAM YANG DIGELAR PROGRAM 'SCIENZA: THE BREATH OF ART'. PROGRAM INI TELAH MENJEMPUT CIK NUR AISYAH BINTI MD ARIFF SEBAGAI PENCERAMAH JEMPUTAN DAN BERMULA JAM 8 MALAM SEHINGGA 10 MALAM DENGAN MENGGUNAKAN PLATFORM YOUTUBE CHANNEL: JPKBERTAM. PROGRAM BERTEMAKAN SAINS, TEKNOLOGI, DAN INOVASIINI DIANJURKAN BERTUJUAN UNTUK MAHASISWA UITM KAMPUS BERTAM UNTUK MENJADI PEMANGKIN KEMAJUAN SAINS, TEKNOLOGI, DAN INOVASI DI MALAYSIA. PADA MASA YANG SAMA, PROGRAM INI TURUT BERTUJUAN BAGI Mengcungkil bakat dan kreativiti mahasiswa dalam bidang sains dan teknologi dan dapat memberi pendedahan dan pengetahuan kepada para mahasiswa berkenaan dengan dunia sains dan teknologi serta menggalakkan lebih ramai lagi para mahasiswa untuk menceburkan diri dalam bidang sains, teknologi, dan inovasi.



PROGRAM INI INGIN MELAHIRKAN MAHASISWA YANG MAMPU MENCINTA TEKNOLOGI DAN MEMBUAT INOVASI BAGI MEMPERBAHARUI MAUPUN MEMAJUKAN TEKNOLOGI SAINS YANG SEDIA ADA DAN MEREALISASIKAN GOLONGAN MAHASISWA YANG MEMPUNYAI PENGETAHUAN YANG KUKUH MENGENAI DUNIA SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI. ANTARA PERTANDINGAN YANG DIADAKAN IALAH PERTANDINGAN 'COLOURING DIGITAL POSTER', 'WORD SEARCH' DAN KAHOOT.

ALUMNI TALK SESSION IN ENVIRONMENTAL HEALTH



Program "Alumni Talk Session in Environmental Health" telah diadakan pada 19 Jun 2022, Ahad anjuran Environmental Health Students Association (EHSaN) melalui platform Google Meet. Program yang bermula dari jam 9:00 pagi hingga 11:40 pagi ini telah menjemput tetamu istimewa iaitu Puan Siti Mashalida, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran di PKD Dungun, Terengganu untuk berkongsi ilmu dalam bidang Kesihatan Persekitaran.




Program ini bertujuan untuk meluaskan lagi pengetahuan para mahasiswa tentang bidang Kesihatan Persekitaran dalam sektor pekerjaan. Antara aktiviti yang dijalankan semasa program berlangsung ialah sesi soal jawab dimana Puan Siti Mashalida akan menjawab segala persoalan daripada mahasiswa dan mahasiswi yang ingin tahu dengan lebih mendalam tentang bidang Kesihatan Persekitaran dalam sektor pekerjaan.


LIVING IN HARMONY:

Discover How To Resolve Your Problems

Pada 24 Jun 2022, Jumaat telah berlangsungnya program "Living In Harmony: Discover How To Resolve Your Problems" yang dianjurkan oleh Persatuan Pelajar Teknologi Makmal Perubatan (MELTECH) sesi 2021/2022. Program yang menggunakan platform Microsoft Teams ini bermula pada jam 8:00 malam sehingga 10:30 malam. Bagi memeriahkan lagi suasana, Puan Nurdiana Binti Zainuddin dijemput bagi merasmikan program ini dengan jayanya dan Ustaz Dr. Ashraff Amirul sebagai penceramah. Program motivasi ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada semua pelajar UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam berkenaan cara untuk menyelesaikan masalah yang sering dihadapi dalam kehidupan seharian serta dapat mengurangkan masalah emosi dan kemurungan dalam kalangan pelajar UiTM Kampus Bertam. Tambahan lagi, program ini memberi idea dan motivasi kepada mahasiswa untuk mengelakkan masalah mental seperti kemurungan serta mengelakkan kadar bunuh diri dalam kalangan pelajar. Terdapat juga aktiviti sampingan yang diadakan bagi menarik minat para peserta seperti pertandingan Kahoot. Pertandingan Kahoot ini juga menyediakan hadiah yang berbentuk wang ringgit untuk para pemenangnya sebanyak RM 40, RM 30, dan RM 20 bagi tempat pertama, kedua dan ketiga.



JPK E-LEAGUE



Bermula 24 Jun 2022 sehingga 26 Jun 2022, Jawatankuasa Perwakilan Kolej 2021/2022 telah mengadakan program JPK E-League. Program ini diadakan bermula jam 8 malam sehingga 12 pagi dan bertempat di Laman Perdana serta menggunakan aplikasi permainan Mobile Legends : Bang Bang. Objektif program JPK E-League 2022 anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej Sesi 2021/2022 diadakan bagi meningkatkan semangat kesukanan dalam kalangan mahasiswa serta membantu mengungkil bakat mahasiswa dalam bidang E-sukan serta memupuk semangat bersaing secara sihat. Kumpulan sasaran bagi program ini adalah mahasiswa UiTM Cawangan Pulau Pinang.

MAJLIS ASPERIASI

bagi menghargai pencapaian

JPK

AL-ZAHWARI



Jawatankuasa Perwakilan Kolej Al-Zahwari sesi 2021/2022 telah menganjurkan program Majlis Aspresiasi JPK Al-Zahwari bagi menghargai pencapaian dan penglibatan barisan Jawatankuasa Perwakilan Kolej Al-Zahwari sesi 2021/2022 atas usaha dan jasa yang dilakukan sepanjang memegang jawatan. Majlis ini telah didakan di Hotel Seri Malaysia, Kepala Batas bermula jam 8:00 malam sehingga 10:30 malam. Antara tetamu jemputan yang dijemput bagi bersama-sama memeriahkan majlis ialah Dr. Ahmad Asri Bin Abd Samat, Dr. Noor Hazarina Binti Nordin, Encik Ahmad Mahfuz Bin Zakaria, Encik Muhammad Khuzaimie Bin Azuddin, dan Puan Salbiah Binti Yahya. Program ini juga adalah untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara barisan ahli jawatankuasa dan sekretariat JPK serta barisan staf Residen Kolej UiTM Cawangan Pulau Pinang. Program ini telah dihadiri seramai 30 peserta yang terdiri daripada ahli jawatankuasa dan sekretariat Jawatankuasa Perwakilan Kolej Al-Zahwari.



EDISI MEI & JUN 2022

E-BULETIN
VERSI PELAJAR

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PULAU PINANG**



TAMAT